



● BAKAL-BAKAL peserta kejohanan silat tahun ini sedang menjalani ujian berlari.

## Piala Sidek: 100 peserta jalani pemeriksaan

Oleh ZAINAL JAMARI  
Gambar2 RAYMOND NG

5

PUSINGAN pertama ke arah menentukan si-apakah juara silat antara balai rakyat tahun ini bermula pada pagi Ahad lepas bila para peserta menjalani pemeriksaan perubatan di ibu pejabat Persatuan Rakyat (PA). **16 APR 1985**

Lebih dari 100 orang peserta telah menjalani pemeriksaan tersebut dan ujian berlari untuk menentukan taraf kecergasan mereka.

Ini adalah penting untuk memastikan agar para peserta kejohanan silat antara balai rakyat untuk merebut Piala Sidek Saniff layak dari segi kesihatan untuk menyertainya, selain dari mempunyai stamina. *PENCAK/SILAT?*

Tahun ini, seramai 132 peserta dari 14 buah balai rakyat dijangka akan mengambil bahagian.

Mereka terdiri dari tujuh peserta untuk bahagian kanak-kanak perempuan; 15 peserta bahagian wanita dewasa; 58 peserta bahagian kanak-kanak lelaki, dan 52 peserta untuk bahagian lelaki dewasa.



**ENCIK JOHARI**  
Tekankan kecergasan dan stamina.



**SUZANNAH**  
Pertama kali ambil bahagian.